

# **SOALAN LAZIM (FAQ) KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA**



Disediakan oleh:

Unit Personel Binaan

Bahagian Pendaftaran Kontraktor & Personel Binaan

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

Tingkat 21, CIDB 520, The MET Corporate Towers

No.20, Jalan Dutamas 2

50480 Kuala Lumpur

E: [upb@cidb.gov.my](mailto:upb@cidb.gov.my)

Terbitan: 16hb Disember 2024

## ISI KANDUNGAN

1.0	Pengenalan dan Tujuan .....	4
2.0	Singkatan .....	4
3.0	Tafsiran .....	4
4.0	<b>BAHAGIAN A: PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA ..</b>	<b>5</b>
5.0	<b>BAHAGIAN B: SYARAT DAN PROSES BAGI PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA .....</b>	<b>6</b>
6.0	<b>BAHAGIAN C: PEMBAYARAN PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA .....</b>	<b>8</b>
7.0	<b>BAHAGIAN D: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM .....</b>	<b>9</b>

## 1.0 Pengenalan dan Tujuan

Soalan lazim (*Frequently Asked Question* – FAQ) ini dibangunkan sebagai rujukan dan panduan umum berkaitan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina.

## 2.0 Singkatan

Singkatan disusun mengikut abjad seperti berikut:

CIDB	- Construction Industry Development Board
CIMS	- Centralized Information Management System
EP	- Employment Pass
PLIK	- Pas Lawatan Iktisas
PLKS	- Pas Lawatan Kerja Sementara
PVP	- Provisional Visit Pass
SICW	- Safety Induction Course for Construction Workers

## 3.0 Tafsiran

### Lembaga

Ertinya Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520)

### Personel binaan

Ertinya (a) pekerja binaan am, (b) pekerja binaan separa mahir, (c) pekerja binaan mahir, (d) penyelia tapak, (e) pengurus projek binaan, dan (f) mana-mana pekerja lain dalam industri pembinaan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga

#### 4.0 BAHAGIAN A: PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA

**A1. S : Apakah dimaksudkan dengan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Pemerakuan kepada individu tempatan dan asing yang perlu mendaftarkan penglibatan mereka di tapak bina sebagai personel binaan serta memiliki identiti pengenalan atau permit kerja selain daripada kad pengenalan atau PLKS atau EP

**A2. S : Apakah permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina hanya untuk warganegara asing?**

J : Ya

**A3. S : Apakah permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina hanya boleh dibuat melalui majikan?**

J : Ya

**A4. S : Siapakah yang layak memohon Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Individu yang melaksanakan kerja pembinaan / mengaku janji untuk melaksanakan kerja pembinaan di Malaysia tertakluk di bawah Akta 520 serta memiliki identiti pengenalan atau permit kerja selain daripada kad pengenalan atau PLKS atau EP

**A5. S : Apakah jenis dokumen pengenalan atau permit kerja yang layak memohon Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Berikut merupakan dokumen pengenalan diri atau permit kerja yang layak memohon:

- i) Kad Pengenalan Sementara (MyKAS)
- ii) Pas Lawatan Iktisas / *Provisional Visit Pass* (PVP)
- iii) Pas Residen
- iv) Pas Pelajar
- v) Pas Lawatan Sosial (dengan cop kebenaran bekerja dari Jabatan Imigresen Malaysia, JIM)
- vi) Pas *Malaysia MySecond Home* (MM2H)
- vii) Pas Lawatan Sementara (PLS@XPATS)

**A6. S : Apakah bentuk pemerakuan permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina yang boleh dijana melalui sistem CIMS

**A7. S : Bagaimana cara membuat permohonan pendaftaran personel binaan?**

J : Permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina boleh dibuat oleh majikan secara atas talian melalui sistem CIMS-CIDB di pautan [cims.cidb.gov.my](http://cims.cidb.gov.my)

## **5.0 BAHAGIAN B: SYARAT DAN PROSES BAGI PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA**

**B1. S : Apakah syarat umum permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Syarat umum permohonan adalah seperti berikut:

- i) Mengisytihar projek dan membayar levi
- ii) Memiliki dokumen perjalanan (passport) / pengenalan diri yang sah
- iii) Memiliki permit kerja yang sah dari Jabatan Imigresen Malaysia
- iv) Telah hadir dan memiliki sijil keselamatan dan kesihatan (SICW / eSICW) atau Sijil/Pasport keselamatan dan kesihatan diiktiraf CIDB
- v) Mempunyai surat tawaran kerja dari majikan yang membuat permohonan
- vi) Membuat bayaran permohonan
- vii) Melengkapkan dokumn dan meneruskan permohonan

**B2. S : Apakah prsoses yang terlibat di dalam permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Terdapat 2 proses utama iaitu:

- i) Membuat bayaran permohonan
- ii) Melengkapkan dan menghantar permohonan

**B3. S : Berapakah bayaran permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : RM150 bagi setiap individu yang hendak didaftarkan

**B4. S : Apakah maklumat yang diperlukan untuk meneruskan pembayaran permohonan?**

J : Maklumat asas diperlukan seperti berikut:

- i) Nombor passport / pengenalan diri yang sah
- ii) Nombor passport terdahulu (sekiranya ada)
- iii) Nama penuh individu yang ingin didaftarkan
- iv) Tarikh kehadiran kursus SICW (dipaparkan secara automatik)

**B5. S : Bagaimana hendak meneruskan permohonan setelah pembayaran selesai dijelaskan?**

J : Langkah yang perlu dilengkapi bagi meneruskan permohonan adalah:

- i) Memilih jenis dokumen pengenalan diri / permit kerja
- ii) Memilih nombor passport / pengenalan diri individu yang ingin didaftarkan
- iii) Mengisi maklumat jawatan
- iv) Memilih maklumat negara
- v) Mengisi tarikh tamat permit kerja / lantikan majikan
- vi) Memilih projek yang masih aktif dari senarai *dropdown*
- vii) Memuatnaik surat tawaran kerja dari majikan / surat latihan industri dari institusi pengajian (bagi pemegang Pas Pelajar sahaja)
- viii) Memuatnaik dokumen perjalanan / pengenalan diri / passport
- ix) Memuatnaik permit kerja yang sah
- x) Memuatnaik Sijil Keselamatan dan Kesihatan (bagi yang hadir kursus setara SICW)

**B6. S : Berapakah tempoh masa yang diberikan bagi melengkapkan permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Permohonan hendaklah dikemukakan melalui sistem CIMS dalam tempoh 30 hari selepas bayaran berjaya dibuat.

- B7. S : Berapa lama tempoh keputusan permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**
- J : Tempoh semakan dan keputusan permohonan adalah sehingga 14 hari bekerja
- B8. S : Berapa lama tempoh sahlaku Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**
- J : Tempoh sahlaku adalah berdasarkan mana-mana tarikh terdahulu di dokumen pengenalan diri / permit kerja / surat tawaran kerja / tarikh tamat projek + waranti
- B9. S : Berapa lama tempoh waranti diberikan kepada Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**
- J : Tempoh 2 tahun selepas tarikh tamat projek yang dipilih diberikan sebagai waranti

## 6.0 BAHAGIAN C: PEMBAYARAN PERMOHONAN KEBENARAN KHAS MEMASUKI TAPAK BINA

- C1. S : Adakah CIDB menerima bayaran permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina secara tunai?**
- J : Tidak. Bayaran hanya boleh dibuat melalui 2 kaedah iaitu:
- i) Perbankan atas talian, ATAU
  - ii) Bayaran di kaunter Pejabat CIDB Negeri/Cawangan menggunakan Kad Kredit/Debit
- C2. S : Bagaimana ingin menyemak dan memuat turun Proforma Invois serta Resit Bayaran?**
- J : Proforma Invois dan Resit Bayaran boleh dijana melalui sistem CIMS. Klik menu *Personnel Card | Payment History* untuk membuat carian dan muat turun Proforma Invois dan Resit Bayaran berkaitan.
- C3. S : Berapakah tempoh masa yang diberikan untuk menyelesaikan bayaran permohonan pendaftaran personel binaan?**
- J : Setelah Proforma Invois dijana, pemohon diberi tempoh selama 30 hari untuk menyelesaikan bayaran.



- C4. S : Apakah Proforma Invois tersebut masih boleh digunakan untuk bayaran sekiranya tempoh 30 hari untuk pembayaran telah berlalu?**  
J : Proforma Invois tersebut akan terbatal secara automatik. Pemohon boleh membatalkan permohonan dan buat permohonan semula dengan lengkap.
- C5. S : Adakah bayaran yang berjaya dibuat boleh dituntut semula?**  
J : Tidak boleh
- C6. S : Adakah bayaran bagi permohonan yang ditolak boleh dituntut semula?**  
J : Tidak boleh

## **7.0 BAHAGIAN D: LAIN-LAIN SOALAN LAZIM**

- D1. S : Bilakah Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina dapat dijana?**  
J : Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina dapat dijana melalui sistem CIMS selepas permohonan disemak dan disyorkan lulus.
- D2. S : Adakah personel binaan yang memegang Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina dilindungi pelan perlindungan takaful berkelompok CIDB?**  
J : Tidak
- D3. S : Bolehkah Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina dipindah milik kepada individu lain?**  
J : Tidak boleh
- D4. S : Bolehkah Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina digunapakai untuk memasuki lain-lain projek berbeza?**  
J : Ya, boleh. Perakuan boleh digunapakai di lain-lain projek berbeza dengan memastikan projek tersebut adalah projek yang dilaksanakan dan dikawal selia oleh majikannya yang sama

**D5. S : Sekiranya individu memegang permit kerja PVP dengan maklumat lokasi bekerja di Miri, Sarawak, bolehkah beliau bekerja di Kapit, Sarawak?**

J : Ya, boleh, selagi individu tersebut masih merupakan pekerja di bawah majikan yang sama dan bekerja di dalam negeri yang sama

**D6. S : Sekiranya individu memegang permit kerja PVP dengan maklumat lokasi bekerja di Semenanjung Malaysia, bolehkah beliau bekerja di pelbagai lokasi di Semenanjung Malaysia?**

J : Ya, boleh, selagi individu tersebut masih merupakan pekerja di bawah majikan yang sama

**D7. S : Apakah sebab permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina ditolak?**

J : Beberapa sebab permohonan boleh ditolak seperti:

- i) Jenis dokumen pengenalan diri / permit kerja yang dipilih tidak sama dengan yang dimuatnaik, ATAU
- ii) Sijil Keselamatan dan Kesihatan setara SICW tidak dimuatnaik (sekiranya paparan maklumat ini secara automatik tidak berlaku), ATAU
- iii) Nama jawatan yang diisi sewaktu memohon tidak sama dengan nama jawatan pada permit kerja, ATAU
- iv) Maklumat negara yang dipilih sewaktu memohon tidak sama dengan nama negara pada permit kerja, ATAU
- v) Maklumat individu yang diisi sewaktu memohon tidak sama dengan maklumat di dalam surat tawaran kerja dari majikan, ATAU
- vi) Dokumen sokongan yang selaras dengan maklumat yang diisi sewaktu memohon tidak dimuatnaik, ATAU
- vii) Projek yang dipilih sewaktu memohon telah tamat / siap.

**D4. S : Apakah cara untuk menyemak maklumat personel binaan yang didaftarkan di bawah Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina?**

J : Terdapat 4 cara untuk menyemak maklumat tersebut iaitu:

- i) Carian Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina di sistem CIMS, ATAU
- ii) Carian di Aplikasi CIDB, ATAU
- iii) Janaan Perakuan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina

**D6. S : Sekiranya tiada nama projek yang telah diisytihar di dalam pilihan *dropdown* sewaktu membuat permohonan, apakah yang perlu dilakukan?**

J : Sila panjangkan aduan lengkap ke eBantuan / emel ke [upb@cidb.gov.my](mailto:upb@cidb.gov.my). Maklumat berkaitan boleh dikemaskini berdasarkan pembuktian dan pengemukaan dokumen yang bersesuaian seperti yang diminta oleh Pegawai semakan.

**D7. S : Dimanakah saluran aduan / cadangan dapat disalurkan?**

J : Sebarang aduan / cadangan berkaitan dengan Kebenaran Khas Memasuki Tapak Bina boleh disalurkan ke eBantuan / emel ke [upb@cidb.gov.my](mailto:upb@cidb.gov.my)

